

UMS sumbang RM30,000 dana alumni kepada fakulti

UB 12.5.2018 B2

KOTA KINABALU: Sejumlah RM30,000 sumbangan diperuntukkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi membantu aktiviti alumni di peringkat fakulti.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, peruntukan itu disumbangkan bertujuan memberi bantuan kepada pihak fakulti menjalankan aktiviti berkaitan alumni masing-masing dengan lebih berkesan.

“Semoga usaha murni ini terus mendapat sokongan dan kerjasama daripada pihak pengurusan dan fakulti untuk sama-sama memastikan hubungan dengan alumni UMS terus terjalin erat,” katanya.

Beliau berkata demikian



ZAKI (dua kiri) menyampaikan cek sumbangan dana alumni kepada Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam Prof Dr Baba Musta sambil diperhatikan Kamarudin (kiri).

pada Majlis Penyerahan Sumbangan Dana Alumni kepada 10 fakulti UMS di Dewan Auditorium Pascasiswazah.

Menurut beliau, daripada jumlah sumbangan yang diperuntukkan itu, setiap fakulti menerima bahagian samarata iaitu masing-masing

mendapat RM3,000.

“Justeru, saya berharap para dekan dapat memantau dan mengambil penekanan serius bagi memastikan aktiviti berkaitan alumni di fakulti masing-masing berjalan lancar,” katanya.

Penyampaian sumbangan kepada setiap dekan fakulti disempurnakan Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Tun Zaki Tun Azmi.

Untuk rekod, penyaluran sumbangan alumni fakulti itu merupakan inisiatif di bawah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Dr Ismail Ali melalui Pusat Alumni UMS.

Hadir sama pada majlis itu, Pengarah Pusat Alumni UMS Darwis Awang.



DEKAN dan wakil dekan setiap fakulti mengambil gambar kenangan selepas menerima cek sumbangan dana alumni fakulti. Turut kelihatan Zaki (belakang, empat dari kanan), Kamarudin (belakang, tiga dari kiri) dan Darwis (depan, dua dari kiri).